

10/05/2001

Rakyat boleh pantau projek

SETIAP projek yang diluluskan oleh kerajaan, terutama di luar bandar biasanya mempunyai kaitan rapat dengan kepentingan rakyat. Oleh itu, sebaik saja diluluskan, hinggalah siap dibina, projek itu memerlukan pemantauan yang menyeluruh. Atas alasan inilah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua pihak, termasuk menteri, ketua jabatan dan mereka yang terbabit dalam agensi kerajaan supaya memastikan pelaksanaannya lancar serta mengikut jadual.

Pemantauan amat penting bagi mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan untuk melengahkan atau menggagalkan projek berkenaan. Setidak-tidaknya menerusi pemantauan, sebarang masalah boleh ditangani segera. Melengah-lengahkan kerja atau melakukan kerja separuh jalan akan menyebabkan rakyat mempersoalkan kesungguhan kerajaan. Walaupun masalah berpunca pada peringkat pelaksanaan, tetapi nama buruk terpalit kepada kerajaan. Berikutan arahan itu, rakyat boleh mengambil bahagian untuk memantau balas projek yang dilaksanakan. Jika mendapati tidak ada pihak yang mengawasi sesuatu projek, mereka boleh membuat aduan terus kepada pihak berkenaan. Adalah tidak salah jika aduan mereka ditujukan terus kepada Jabatan Perdana Menteri. Rakyat sepatutnya menjadi mata dan telinga kepada projek yang dilaksanakan di tempat mereka. Jika mendapati pihak pemaaju projek mengambil sikap sambil lewa, sewajarnya aduan dilanjutkan hingga ke peringkat paling tinggi.

(END)